

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HGF 226 - Geografi Fizikal Untuk Pendidikan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) Soalan. **SATU** (1) soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A (Jawab **SATU** (1) soalan).

1. Dengan berasaskan ekosistem gurun ATAU ekosistem hutan hujan khatulistiwa, huraikan secara terperinci bagaimana Pendekatan Sistem dapat digunakan untuk mengkaji penyesuaian ekosistem tersebut terhadap alam sekitarnya.

[25 markah]

2. Bincangkan sejauhmana proses pembandaran telah mengubah ciri-ciri iklim global dan tempatan.

[25 markah]

BAHAGIAN B (Jawab **SATU** (1) soalan).

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah “Alam Sekitar Holosenotik”?
[10 markah]
- (b) Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi pola-pola taburan biokor-biokor sedunia?
[15 markah]

4. (a) Apakah yang difahamkan dengan istilah-istilah E1-Nino, ENSO dan La Nina?
[6 markah]
- (b) Apakah kesan-kesan E1-Nino 1997 terhadap iklim di Malaysia?
[9 markah]
- (c) Bagaimanakah kesan-kesan E1-Nino tersebut dapat dikurangkan?
[10 markah]

BAHAGIAN C (Jawab **SATU** (1) soalan).

5. Dengan memilih pulau-pulau kecil sebagai contoh, jelaskan bagaimana keadaan-keadaan hidrologi mempengaruhi sumber air permukaan dan air tanah pulau berkenaan.
[25 markah]
6. (a) Huraikan keseimbangan air sesebuah kawasan.
[10 markah]
- (b) Huraikan bagaimana perbandaran mempengaruhi keseimbangan air tersebut.
[15 markah]

BAHAGIAN D (Jawab **SATU** (1) soalan).

7. Perubahan guna tanah dalam sesuatu kawasan tadahan menimbulkan kesan ke atas geomorfologi. Bincangkan.

[25 markah]

8. Dengan merujuk kepada aktiviti pembinaan jalanraya di kawasan bukit, huraikan bagaimana aktiviti tersebut menimbulkan kesan ke atas sistem cerun dan sungai.

[25 markah]